



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA
MAJLIS TAUTAN KASIH IBU TUNGGAL (KasihniTa) 2026

16 APRIL 2026 (KHAMIS) | 27 SYAWAL 1447H | 4.00 PETANG
PULLMAN KUALA LUMPUR CITY CENTRE HOTEL & RESIDENCES

Kemas kini 7 April 2026

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan

Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih Saudari Pengerusi Majlis

(SALUTASI)

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama dalam **Majlis Tautan Kasih Ibu Tunggal (KasihniTa) 2026** pada petang yang penuh bermakna ini. Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan yang setulus-tulusnya kepada semua ibu tunggal yang hadir hari ini. Kehadiran anda semua adalah bukti keberanian, kegigihan dan semangat yang tidak pernah padam. Saya amat menghargai kepercayaan anda dalam program ini.

2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada rakan strategik, agensi pelaksana serta seluruh pasukan yang telah bekerja keras menjayakan majlis ini. Program seperti ini sangat dekat di hati saya kerana ia menyentuh satu kelompok yang melalui pelbagai cabaran kehidupan dengan penuh tabah, iaitu golongan ibu tunggal. KasihniTa adalah manifestasi keprihatinan kerajaan dalam memastikan tiada seorang pun ibu tunggal dibiarkan berjuang seorang diri.

3. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa berusaha untuk memastikan golongan ibu tunggal tidak terpinggir daripada arus pembangunan negara. Pendekatan kami memberi penekanan kepada pemerkasaan yang menyeluruh. Ini merangkumi perlindungan hak, peningkatan keupayaan diri dan pengukuhan ekonomi keluarga. Menerusi Jabatan Pembangunan Wanita, KasihniTA dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif utama menyokong Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030.

4. Program KasihniTa dirancang khusus untuk membina kapasitas ibu tunggal melalui tiga modul teras: **Modul Kemahiran Perundangan** yang memberi pendedahan tentang hak perundangan dan akses kepada bantuan guaman; **Modul Pengurusan dan Literasi Kewangan** yang membimbing peserta menyusun semula komitmen kewangan dan merancang masa hadapan; serta **Modul Pembangunan Psikososial** yang membantu peserta membina kekuatan dalaman, keyakinan diri dan daya tahan menghadapi cabaran kehidupan.

Gabungan ketiga-tiga modul ini menjadikan KasihniTa sebuah platform pemerksaan yang lengkap dan menyeluruh.

5. Melalui pendekatan ini, KasihniTa bukan sekadar program latihan — ia adalah pelaburan jangka panjang kerajaan terhadap masa depan ibu tunggal dan keluarga mereka. Setiap ilmu yang diperolehi, setiap kemahiran yang dibina dan setiap keyakinan yang diperkukuh adalah langkah ke arah kehidupan yang lebih stabil, berdikari dan bermakna.

PENCAPAIAN KASIHNITA 2025

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Alhamdulillah, pada tahun 2025, Program KasihniTa telah mencatat pencapaian yang sangat memberangsangkan. Hampir **1,900 ibu tunggal** telah menyertai program ini di **enam (6) zon** seluruh negara. Dalam tempoh yang sama, sebanyak **90 kes bantuan guaman** berjaya diuruskan, dengan peruntukan yang telah disalurkan kepada ibu tunggal untuk menuntut serta mempertahankan hak mereka.

7. Bagi saya, angka ini membawa makna yang besar. Ia menunjukkan bahawa apabila bantuan yang tepat diberikan kepada mereka yang memerlukan, hasilnya benar-benar boleh dirasakan. Kejayaan ini jugalah yang mendorong kerajaan untuk mengembangkan program ini dengan lebih besar lagi pada tahun 2026.

8. Bagi **Modul Kemahiran Perundangan**, sebanyak 95 peratus peserta menyatakan mereka lebih memahami hak sebagai wanita dan isu perundangan serta lebih bersemangat untuk membuat tuntutan di mahkamah. Bagi **Modul Pengurusan Kewangan**, sebanyak 93 peratus peserta telah mempraktikkan ilmu pengurusan kewangan, manakala bagi **Modul Pembangunan Psikososial**, sebanyak 93 peratus peserta menyatakan peningkatan keyakinan diri dan kesediaan untuk terus maju ke hadapan.

PELAKSANAAN KASIHNITA 2026

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Melihat kepada keberkesanan program ini, bagi tahun **2026**, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM3.5 juta** untuk pelaksanaan Program KasihniTa. Program ini akan diperluas ke **13 negeri** dengan sasaran penyertaan seramai **5,000 ibu tunggal** di seluruh negara.

10. Tiga (3) modul utama program ini akan terus dikekalkan. Justeru, bagi memudahkan penyertaan ibu tunggal dari seluruh negara, pelaksanaan program tahun ini akan dibuat dalam **dua fasa**, iaitu **Fasa 1 secara dalam talian** yang merangkumi sesi advokasi dan pengenalan, diikuti **Fasa 2 secara fizikal**.

11. Saya ingin memaklumkan bahawa pendaftaran program masih dibuka sehingga **20 April 2026**. Saya berharap semua yang hadir hari ini akan menyebarkan maklumat ini kepada ibu tunggal lain yang mungkin belum mengetahui tentang program ini. Setiap perkongsian boleh mengubah kehidupan seseorang.

12. Selain itu, **Bantuan Guaman** juga diteruskan kepada peserta yang layak, dengan keseluruhan peruntukan sebanyak **RM2 juta** yang akan memberi manfaat kepada **500 permohonan kes tuntutan baharu** dalam kalangan peserta yang berdaftar. Pada tahun ini, kelayakan penerima Bantuan Guaman juga akan diperhalusi dengan lebih menyeluruh supaya bantuan yang diberikan benar-benar dapat membantu mereka yang memerlukan.

PERANAN RAKAN STRATEGIK

Hadirin sekalian,

13. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua rakan strategik yang telah menyumbang masa dan kepakaran dalam menjayakan program ini. Kerjasama sektor awam dan swasta adalah kunci kepada kejayaan KasihniTa. Saya berharap kerjasama ini akan terus berkembang, membuka lebih banyak peluang untuk ibu tunggal membina kehidupan yang lebih stabil dan berdaya tahan.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi,

14. KPWKM akan terus berusaha untuk melaksanakan inisiatif yang benar-benar memberi manfaat kepada ibu tunggal. Kami berharap KasihniTa akan terus menjadi jambatan antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat dalam usaha bersama memperkasa ibu tunggal untuk bangkit, berdikari dan membina masa hadapan yang lebih cerah.

15. Kepada semua ibu tunggal yang hadir — ketahuilah bahawa perjuangan anda semua tidak berlaku dalam kesunyian. *We are here with you.* Rebutlah peluang ini sebaik-baiknya, tambahkan ilmu dan teruskan melangkah ke hadapan. Setiap usaha hari ini membawa perubahan besar — bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada anak-anak dan keluarga.

16. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, khususnya Jabatan Pembangunan Wanita dalam menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
16 April 2026